

Newspaper	Berita Harian
Date	23 September 2015



Kisah kejayaan tiga figura

BH - 23/9/2015

» Kecemerlangan Dr Mahathir, Kamarudin dan Siti Nurhaliza cetus inspirasi golongan muda

Oleh Nor Afzan Mohamad
Yusof dan Nor Hatina Shuib
bhnita@bh.com.my

Jejak kejayaan insan ternama sering kali membibitkan rasa ingin tahu ramai orang mengenai liku perjalanan hidup mereka dan bagaimana mampu mencapai tahap yang begitu cemerlang serta dikagumi.

Mantan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad; Ketua Pegawai Eksekutif AirAsia X dan pengasas Tune Group, Datuk Kamarudin

Meranun serta penyanyi nombor satu negara, Datuk Siti Nurhaliza Tarudin adalah tiga figura yang mempunyai latar belakang berbeza, tetapi berjaya mencipta aura tersendiri dalam bidang masing-masing.

Bantu pembangunan belia

Kisah mereka pelbagai warna. Titi-pitan nasihat diberikan turut mencetuskan inspirasi. Pengalaman dan suka duka dilalui, seharusnya menjadi pencetus semangat, khususnya generasi muda untuk lebih memahami, mengenal erti kejayaan dan pahit manis pengorbanan.

Mereka berkongsi inspirasi atas pentas yang sama menerusi *The Story* yang diadakan di Universiti Multimedia, Cyberjaya, baru-baru ini.

Program *The Story* dianjurkan oleh Generasi Bersatu Malaysia (GBM) iaitu organisasi yang ditubuhkan untuk membantu pembangunan belia di Malaysia dengan memberi tumpuan dalam merangka penyelesaian kepada masalah sosial dan meningkatkan kualiti kehidupan generasi akan datang melalui pendekatan menerusi idea inovatif. Turut hadir pengasas GBM, Asyraf Khalid